

Kekerapan Penerbitan di SCOPUS Mengenai Flora-Flora dalam Al-Quran dan Al-Hadith

Mohd Asmadi Yakob^{1*}, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff²,
Monika @ Munirah Abd Razzak Khadher Ahmad³,
Nurulwahidah Fauzi⁴, Khalijah Awang⁵,
Rozana Othman⁶ & Mohd Rais Mustafa⁷

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor

²Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur

³Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan

⁵Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur

⁶Jabatan Farmasi, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur

⁷Jabatan Farmakologi, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya,
50603, Kuala Lumpur

*Pengarang Penghubung
asmadi716@uitm.salam.edu.my

ABSTRAK

Terdapat buah-buahan dan herba yang disebut secara khusus dalam al-Quran dan al-Hadith. Kelebihan dan keistimewaan buah-buahan dan herba ini telah dibincangkan oleh para ulama dalam kitab-kitab turath mereka khususnya dalam kitab al-Tibb al-Nabawi. Penulisan kitab-kitab ini telah membuka ruang kepada kajian-kajian ilmiah yang lebih saintifik dan mendalam. Walau bagaimanapun umat Islam pada hari ini kurang mengetahui kewujudan kitab-kitab al-Tibb al-Nabawi yang menjadi satu cabang ilmu Islam. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap beberapa aspek dalam bidang al-Tibb al-Nabawi khususnya berkaitan dengan buah-buahan dan herba di dalam penerbitan SCOPUS. Kajian ini mengaplikasikan metod kajian perpustakaan, dengan

penelitian terhadap sebahagian besar kitab yang berkaitan dengan al-Tibb al-Nabawi dikumpulkan untuk dianalisis bagi memahami konsep al-Tibb al-Nabawi itu sendiri serta mengenal pasti buah-buahan dan herba yang dibincangkan. Di samping itu, metod pemerhatian terhadap kajian saintifik yang lepas telah dilakukan terutamanya dengan meneliti artikel-artikel dalam pengkalan data SCOPUS. Hasil penelitian awal mendapati bahawa ulama-ulama terdahulu telah menulis pelbagai karya yang khusus tentang al-Tibb al-Nabawi. Walau bagaimanapun pada hari ini kajian yang mendalam terhadap buah-buahan dan herba yang disebutkan dalam al-Tibb al-Nabawi banyak dipelopori oleh pengkaji-pengkaji bukan Islam khususnya daripada Barat.

Kata Kunci: Al-Quran dan al-Hadith, flora-flora, al-Tibb al-Nabawi, pengkalan data SCOPUS.

ABSTRACT

Al-Quran and al-Hadith have specifically mentioned several fruits and herbs which are beneficial to human health. Their advantages and benefits have been discussed in depth by scholars in many scriptures in particular the Turath Tibb Nabawi. Such scholarly discussions have resulted in various scientific studies pertaining to the fruits and herbs mentioned in Tibb al-Nabawi. Despite those studies, many Muslims are still unaware or ignorant on the scientific values of Tibb al-Nabawi. Therefore, this article aims to provide exposure to a number of aspects in the field of Tibb al-Nabawi especially related to fruit and herbs. This study applies methods of library research, with most of his research on related Tibb al-Nabawi collected for analysis to understand the concept of Tibb al-Nabawi itself and identify fruits and herbs are discussed. Therefore, this article aims to enlighten the understanding on the concept of Tibb al-Nabawi involving the use of database namely Scopus. Preliminary findings revealed that many studies were done previously by many scholars. Today, many in depth scientific research have been reported and many of them are from the west.

Keywords: Al-Quran and al-Hadith, Flora Chosen, Tibb al-Nabawi, scopus database

1. Pendahuluan

Perbincangan tentang kelebihan flora yang terdapat dalam al-Quran dan al-Hadith sebenarnya telah dibahaskan sejak zaman awal Islam melalui kitab-kitab hadith dan tafsir. Perbincangan terawal tentang manfaat flora ini dapat dilihat menerusi kitab-kitab hadith apabila para ulama mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan dengan perubatan dalam satu bab yang dikenali sebagai *Kitab al-Tibb*. Usaha-usaha ini dipelopori

oleh imam-imam hadits seperti Bukhari, Tirmidhi, Ibn Majah dan lain-lain. (Hassan Shamsi Basha, 2008).

Ulama tafsir juga tidak terkecuali membincangkan hal ehwal penjagaan kesihatan khususnya apabila mentafsirkan ayat-ayat yang berkaitan dengan kesihatan, makanan dan buah-buahan. Mereka membawa pelbagai riwayat sama ada daripada hadits atau pandangan para ulama terhadap kelebihan sesuatu flora yang terdapat dalam al-Qur'an. (*Tafsir al-Nasafi*).

Perbincangan tentang penjagaan kesihatan dalam kitab-kitab menjadi lebih teratur dan sistematik apabila ilmu ini dikembangkan menjadi satu disiplin ilmu khusus yang dikenali sebagai *al-Tibb al-Nabawi*. Ilmu ini merangkumi semua yang *thabit* daripada Nabi SAW berkaitan dengan perubahan sama ada bersumberkan dari al-Quran mahupun hadits ataupun panduan-panduan umum tentang pemakanan, minuman, tempat tinggal, perubahan, kehidupan berumah tangga dan sebagainya.

Al-Tibb al-Nabawi mula menjadi satu bidang ilmu yang tersendiri setelah usaha yang dilakukan oleh Imam 'Ali al-Ridha al-Kazim (wafat 203H) yang menulis sebuah risalah ringkas tentang *al-Tibb al-Nabawi*. Selepas itu, Abd al-Malik bin al-Habib al-Andalusi (wafat 238H) menulis sebuah kitab yang mempunyai tajuk yang sama merupakan kitab terawal yang memuatkan hadits-hadits *al-Tibb al-Nabawi* dalam bab-bab tertentu yang lebih tersusun.

Antara kitab-kitab utama tentang *al-Tibb al-Nabawi* adalah seperti berikut (Adil Muhammad 'Ali al-Syeikh Husayn, 2005):

- *al-Tibb al-Nabawi* ditulis oleh Imam Ali al-Ridha bin Musa al-Kazim bin Ja'far al-Sadiq (w230H). Kitab ini ditulis oleh beliau di atas permintaan Khalifah al-Ma'mun. Kitab ini ditahqiq oleh Muhammad 'Ali al-Bar dengan tajuk *Imam 'Ali al-Ridha wa Risalatuh fi al-Tibb al-Nabawi*
- Kitab *al-Tibb al-Nabawi* yang ditulis oleh 'Abd al-Malik bin Habib al-Andalusi (w238H). Ditahqiqkan oleh Muhammad 'Ali al-Bar.
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh Abu Bakar Ahmad bin Muhammad al-Dinawari (w364H) atau lebih dikenali dengan Ibn al-Sunni.
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh al-Hafiz Abu Nu'aym al-'Asbahani (w430H). Merupakan sebuah kitab besar yang menghimpunkan sebahagian besar *athar* dan *khbar* yang disandarkan kepada Nabi SAW.

- *al-Tibb al-Nabawi (al-Arba'in al-Tibbiyyah al-Mustahkriyah min Sunan Ibn Majah)* oleh 'Abd al-Latif al-Baghdadi (w629H). Kitab ini merupakan himpunan 40 hadith *al-Tibb al-Nabawi* yang terdapat dalam Sunan Ibn Majah.
- *al-Tibb min al-Kitab wa al-Sunnah* oleh 'Abd al-Latif al-Baghdadi dan ditahqiq oleh 'Abd al-Mu'ti al-Qal'aji.
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh al-Hafiz Dhiya' al-Din Muhammad 'Abd al-Wahid al-Maqdisi (w646H). Ditahqiq oleh Majdi Fathi al-Sayyid.
- *al-Syifa' fi al-Tibb* al-Musnad 'an al-Sayyid al-Mustafa oleh Ahmad Ibn Yusuf al-Taifasyi (w651H) dan ditahqiq oleh 'Abd al-Mu'ti al-Qal'aji.
- *al-Ahkam al-Nabawiyyah fi al-Sina'ah al-Tibbiyyah* oleh 'Ali 'Abd al-Karim bin Tarkhan al-Kihal al-Hamawi (w720H) dan ditahqiq oleh 'Abd al-Salam Hasyim Hafiz.
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh Imam al-Hafiz Muhammad Shams al-Din al-Dhahabi (w748H) dan ditahqiq oleh panel Mustafa al-Babi al-Halabi.
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh Imam Muhammad bin Abu Bakar Syams al-Din atau lebih dikenali oleh Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (751H). Kitab ini ditahqiq oleh 'Abd al-Mu'ti al-Qal'aji. Yusuf 'Ali Badiwi menyatakan bahawa kitab ini bukan karya asal Ibn al-Qayyim tetapi karya Muwaffaq al-Din Muhammad 'Abd al-Latif al-Baghdadi yang ditahqiqkan oleh Yusuf sendiri.
- *Arba'un Baban fi al-Tibb* oleh Muhammad bin Abi Fathal-Ba'li al-Hanbali yang ditahqiq oleh Ahmad al-Bazrah dan 'Ali Ridha 'Abd Allah.
- *al-Manhaj al-Sawiy wa al-Manhal al-Rawi fi al-Tibb al-Nabawi* oleh Imam al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti (w911H) yang ditahqiq oleh Hasan Maqbuli al-Ahdal.
- *Muqamat al-Suyuti al-Adabiyyah – al-Tibbiyyah* oleh Jalal al-Din al-Suyuti (w911H) yang ditahqiq oleh Muhammad Ibrahim Salim
- *al-Manhal al-Rawi fi al-Tibb al-Nabawi* oleh Muhammad bin Ahmad bin Tulun.
- *Risalah fi al-Tibb al-Nabawi* oleh Ibn Hazm al-Zahiri al-Andalusi (w456H)
- *al-Siyar al-Qawiy fi al-Tibb al-Nabawi* oleh Muhammad bin Abd al-Rahman al-Sakhawi (w902H),

- *Syafa' al-Anam fi Tibb Ummah al-Islam* oleh Yusoff bin Muhammad al-Sarmawi al-'Ibadi al-Hanbali (w776H)
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh Ja'far bin Muhammad al-Mustaghfiri (w432H)
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh Muhammad bin Ibrahim bin Sa'ad al-Ansari atau lebih dikenali dengan Ibn Akfani (749H)
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh Muhammad al-Safti al-Zainabi
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh Dawud bin Farj
- *Tibb al-Nabi Salla Allah alaihi wa Sallam* oleh Abu al-Qasim al-Hasan bin Muhammad al-Muhaddith
- *al-Mukhtar fi Ikhtisar al-Tibb al-Nabawi* oleh Najm al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazzi.
- *al-Tibb al-Nabawi* oleh Abu Bakar Ahmad bin Abi Asim al-Dhahhak al-Syabani (w287H), (naskahnya telah hilang)
- *Laqt al-Manafi' fi al-Tibb* oleh Imam Abu al-Farj Abd al-Rahman ibn 'Ali bin Muhammad.
- *al-Tibb al-Ruhani* oleh Ibn al-Jauzi
- *Tazkirah fi al-Tibb al-Nabawi* oleh Badr al-Din Muhammad bin Ibrahim bin Jama'ah al-Kinani (w 733H)
- *Hal Hunaka Tibb al-Nabawi*, oleh Muhammad 'Ali al-Bar
- *Qabasat min al-Tibb al-Nabawi al-'Ilaji* oleh Muhammad 'Ali al-Bar
- *al-Habbat al-Sauda' (Habbah al-Barakah) min al-I'jaz al-Tibbi fi al-Ahadith al-Nabawiyyah al-Syarifah*, oleh Abdullah al-Sa'id
- *al-Kam'ah* oleh Abdullah al-Sa'id
- *'Ilm al-Warathah min al-I'jaz al-Tibbi fi al-Ahadith al-Nabawiyyah al-Syarifah* oleh Abdullah al-Sa'id
- *'Ilm al-Nafs*, oleh Abdullah al-Sa'id
- *al-Rutab wa al-Nakhlah*, oleh Abdullah al-Sa'id
- *al-Hijr al-Sihhi*, oleh Abdullah al-Sa'id
- *Mu'jizat fi al-Tibb li al-Nabiyy SAW*, oleh Muhammad Said al-Buti
- *Fi Rihab al-Tibb al-Nabawi*, Najib al-Kailani
- *al-Tibb al-Wiqa'i al-Nabiyy* oleh Mahmud al-Haji al-Qasim
- *al-Habbah al-Sawda' fi al-Tibb al-Sa'bi* oleh al-Fadal al-Abid 'Umar
- *al-Syifa' fi al-Habbah al-Sawda'* oleh Tayyib 'Abdullah Tayyib
- *al-Habbah al-Sawda' Da' Dawaw li Kulli Da'* oleh Muhammad Kamal 'Abd al-Aziz

2. Kajian Saintifik

Kajian saintifik terhadap flora yang terdapat dalam al-Quran merupakan kajian yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Ianya dilakukan oleh para ilmuan dan ahli sains dan diterbitkan dalam buku atau jurnal antarabangsa. Antara buku dalam Bahasa Arab yang juga membincangkan kajian ilmu berkenaan buah-buahan dan herba dalam al-Quran dan al-Hadith adalah seperti berikut:

- *Rawa'id al-Tibb al-Islami* oleh Muhammad Nizar al-Daqir.
- *Bayn al-Tibb wa al-Islam* oleh Hamid al-Ghawabi.
- *Isytisyarat Tibbiyyah fi Dhu' al-Islam* oleh Ibrahim al-Rawi
- *Al-Tibb al-Nabawi wa al-'Ilm al-Hadith* oleh Mahmud Nazim al-Nasimi
- *al-Qasyrah wa al-Sal' wa al-Syaib wa al-Hana'* oleh Hasan Syamsyi Basya
- *al-Syifa' bi al-Habb al-Sawda' Bayn I'jaz al-Nabawi wa al-Tibb wa al-Hadith* oleh Hasan Syamsyi Basya
- *al-'Ilaj bi al-Thawm wa al-Basal*, oleh Hasan Syamsyi Basya
- *Qabasat min al-Tibb al-Nabawi wa Adillah al-'Ilmiyyah* oleh Hasan Syamsyi Basya

Kajian tentang al-Tibb al-Nabawi juga pernah diterbitkan dalam beberapa jurnal antarabangsa. Pengkaji seperti Dr. Nurdeng Deuraseh telah menghasilkan artikel-artikel seperti berikut:

- "Maintaining a Healthy Environment: An Islamic Ethical Approach", *European Journal of Social Sciences*, vol. 8, no. 4, 2009, pp. 524-531.
- "Using the verses of the Holy Qur'an as Ruqyah (incantation): The perception of Malay-Muslim society in Kelantan and Terengganu on Ruqyah as an Alternative Way of healing in Malaysia", *European Journal of Social Sciences*, vol. 9, no. 3, 2009, pp. 448-456.
- "The book of medicine (Kitab al-Tibb) of Sahih al-Bukhari prevention of illness and preservation of health perspectives", *Journal of the Bahrain Medical Society*, vol. 20, no. 2, 2008, pp.79-81.
- "The Book of Medicine (Kitab al-Tibb) of Sahih al-Bukhari: A Primary Source of the History Of Medicine - Part one", *Journal of the Bahrain Medical Society*, vol. 20, no. 1, 2008, pp. 35-38.

- "The Development of Human Embryo in the Quran, surah al-Mu'minun (23): 12-14", *European Journal of Scientific Research*, vol. 48, no. 1, 2010, pp. 155-159.

3. Dapatan Kajian

Artikel ini membawakan beberapa contoh keistimewaan buah-buahan dan herba ini dalam Al-Quran dan al-Hadith serta beberapa aspek kajian semasa yang dilakukan oleh para pengkaji terutamanya bidang-bidang kajian serta negara-negara yang banyak membuat kajian. Data-data yang dipaparkan di sini adalah data yang diambil daripada laman web SCOPUS dan ia mungkin akan bertambah dari masa ke semasa.

Kurma

Buah kurma atau nama saintifiknya *Phoenix Dactylifera* merupakan buah yang paling banyak disebut dalam Al-Quran dan al-Hadith. Hasil penelitian di dalam al-Qur'an mendapati bahawa perkataan yang memberi maksud pohon kurma atau buah kurma disebut sebanyak 22 kali, di mana ianya menggunakan beberapa lafaz iaitu *al-Nakhl*, *al-Nakhlah* kata jamaknya *al-Nakhil*, *Rutab* dan *Linah*. Sebagai contoh dalam ayat 25 surah Maryam Allah SWT berfirman: "Dan goncanglah pangkal pohon kurma itu ke arahmu. Nescaya pohon itu akan menggugurkan buah yang masak kepadamu".

Penelitian hadith pula mendapati bahawa kurma telah disebut oleh Rasulullah SAW mengenai kebaikan dan manfaatnya. Antaranya Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang makan tujuh biji kurma ajwah pada setiap pagi, dia tidak akan terkena racun dan sihir" (Hadith riwayat Muslim). Dalam hadith yang lain Saidatina 'Aisyah r.a melaporkan bahawa Nabi SAW bersabda kepadanya: "Wahai 'Aisyah, rumah yang tiada kurma di dalamnya seperti rumah yang tiada makanan". Nabi mengulanginya dua atau tiga kali. (Hadith riwayat Muslim).

Manfaat buah kurma ini kemudiannya dapat dilihat melalui kajian sains yang menjelaskan bahawa buah kurma amat baik bagi wanita yang melahirkan anak kerana ianya mengandungi bahan kimia yang seakan-akan 'oxytocin' iaitu sejenis hormon yang dikeluarkan oleh salah satu kelenjar di otak yang kemudiannya dihantar ke rahim. Kesan bahan ini ialah pengecutan atau kontraksi rahim yang membantu proses kelahiran. Di samping itu, buah kurma juga dikatakan mengandungi sejenis bahan

peransang yang mengukuhkan otot-otot rahim di bulan-bulan terakhir kehamilan. Keadaan ini membantu memudahkan kelahiran dan mengurangkan pendarahan ketika bersalin (Abu Bakar, 2008).

Di samping itu, kajian-kajian semasa pada hari ini telah dilakukan bagi membuat penelitian secara lebih mendalam dan holistic terhadap kurma. Antara bidang-bidang tersebut adalah seperti di bawah:

Bidang kajian	Bilangan artikel	Bidang kajian	Bilangan artikel
Sains Pertanian dan Biologi	404	Fizik dan Astronomi	6
Biokimia genetik dan Biologi Molekul	140	Sains	5
Kimia	80	Tenaga	5
Perubatan	58	Matematik	5
Sains Alam Sekitar	48	Bumi dan sains planet	4
Immunologi and Microbiologi	48	Haiwan	4
Farmakologi dan Toksikologi	38	Pengurusan perniagaan dan perakaunan	3
Kejuruteraan Kimia	29	Psikologi	3
Kejuruteraan	24	Sains sosial	3
Sains Material	22	Sains Komputer	2
Disiplin yang berbeza	12	Sains kesihatan	2
Kejururawatan	9		

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Berdasarkan pemerhatian terhadap kajian-kajian semasa yang dilakukan oleh para ilmuan kini dan dimuatkan dalam artikel-artikel Scopus, kami telah menemui lebih 500 tajuk yang membincangkan tentang buah kurma di negara yang pelbagai. Antara negara-negara tersebut adalah:

Negara	Bilangan artikel	Negara	Bilangan artikel
Arab Saudi	97	United Kingdom	26
Tunisia	76	Pakistan	22
Mesir	52	Iraq	14
Amerika Syarikat	46	Malaysia	14
Iran	40	Belgium	14
Perancis	39	Kanada	13
Algeria	38	Nigeria	12
Sepanyol	35	China	11
Morocco	32	Oman	11
India	28	German	10
Emiriah Arab Bersatu (UAE)	27		

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Anggur

Buah anggur atau nama saintifiknya *Vitis vinifera* merupakan buah yang sering disebut dalam al-Quran dan al-Hadith. Ia disebut sebanyak 14 kali dalam pelbagai surah di dalam al-Quran menggunakan dua lafaz iaitu *inab* dan kata jamaknya *a'nab*. Sebagai contoh firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 266: “Adakah seseorang di antara kamu suka mempunyai sebuah kebun dari pokok tamar (kurma) dan anggur, Yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, ia juga mempunyai Dalam kebun itu. Segala jenis buah-buahan, sedang ia sudah tua dan mempunyai banyak anak cucu Yang masih kecil, lalu kebun itu diserang oleh angin taufan Yang membawa api sehingga terbakarlah ia? Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan, supaya kamu berfikir (dan mengambil iktibar).”

Kajian moden tentang anggur adalah kajian yang paling banyak dilakukan kerana jenisnya yang pelbagai iaitu terdiri dari keluarga *Vitis vinifera*, *Vitis acerifolia*, *Vitis aestivalis*, *Vitis amurensis*, *Vitis arizonica*, *Vitis bourquina*, dan sebagainya dan kerana ianya juga menjadi bahan utama yang digunakan bagi membuat arak. Berdasarkan penelitian terhadap buah anggur *Vitis vinifera*, hasil kajian telah menemui lebih 2500 artikel dan kajian-kajian ini dijalankan mengikut bidang yang berbeza, sebagaimana berikut;

Bidang kajian	Bilangan artikel	Bidang kajian	Bilangan artikel
Sains Pertanian dan Biologi	2459	Kejururawatan	27
Biokimia genetik dan Biologi Molekul	901	Disiplin yang berbeza	26
Kimia	427	Sains Haiwan	26
Perubatan	209	Matematik	22
Sains Alam Sekitar	176	Fizik dan Astronomi	22
Immunologi and Microbiologi	123	Sains	17
Farmakologi dan Toksikologi	121	Sains material	16
Kejuruteraan	80	Sosial sains	11
Kejuruteraan Kimia	74	Sains Komputer	9
Bumi dan Sains Planet	40	Sastera Kemanusiaan	8

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Manakala negara-negara yang banyak mengkaji tentang anggur adalah sebagaimana berikut:

Negara	Bilangan artikel	Negara	Bilangan artikel
Itali	453	Greece	77
Perancis	414	Jepun	72
Sepanyol	365	Chile	69
Amerika Syarikat	319	Kanada	58
Australia	263	Brazil	54
China	172	Switzerland	52
German	161	Iran	52
India	136	Argentina	47
Turki	124	United Kingdom	46
Portugal	120	Tunisia	42

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Zaitun

Buah zaitun atau nama saintifiknya *Olea europea* disebut enam kali dalam al-Qur'an. Malah dalam surah al-Tin, Allah SWT sendiri bersumpah dengan buah zaitun. Keadaan ini menggambarkan kepentingan buah zaitun di samping ianya mempunyai banyak manfaat untuk umat manusia. Pokok zaitun juga disebut sebagai pokok yang diberkati. Nabi SAWbersabda: "Minumlah minyak zaitun dan berminyak dengannya kerana sesungguhnya ia adalah dari pohon yang diberkati. (Hadith riwayat Tarmidhi)

Kajian sains moden mendapati ianya mengandungi *asid palmatik, asid oleik, asid linoleik, asid stearik dan gliserid*. Minyak ini tidak larut di dalam air, tetapi larut di dalam alkohol, eter, klorofom, dan minyak tanah. Menurut Ibn al-Qayyim, minyak zaitun yang berwarna merah adalah lebih baik daripada yang berwarna hitam. Minyak ini melembutkan kulit, justeru membuatkan rupa paras menyerlah, menjadi penawar bagi melawan sesetengah jenis racun, memberi keselesaan bagi proses penghadaman perut dan usus, mengeluarkan parasit dari dalam sistem gastro-usus, memberi kilauan kepada rambut di samping menghilangkan kelemumur, serta mengurangkan kadar penuaan. Menggosok minyak zaitun yang dicampurkan dengan garam di gusi merupakan penawar bagi pelbagai penyakit gigi dan gusi. Ekstrak air pekat daun dan buah zaitun juga boleh mengurangkan kerosakan gigi. (Abu Bakar, 2008, h.257)

Penelitian kami terhadap artikel Scopus menemui lebih dari 100 buah artikel kajian tentang buah zaitun, antara bidang yang dicatatkan adalah:

Bidang kajian	Bilangan artikel	Bidang kajian	Bilangan artikel
Sains Pertanian dan Biologi	77	Sains	3
Biokimia genetik dan Biologi Molekul	28	Kejuruteraan	3
Perubatan	16	Matematik	3
Kimia	13	Fizik dan Astronomi	2
Sains persekitaran	11	Sains Komputer	1
Immunologi and Microbiologi	10	Bumi dan sains planet	1

Farmakologi dan Toksikologi	5	Tenaga	1
Kejuruteraan Kimia	4	Kejururawatan	1
Sains material	4	Sains haiwan	1

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Manakala negara-negara yang banyak mengkaji tentang zaitun adalah sebagaimana berikut:

Negara	Bilangan artikel	negara	Bilangan artikel
Itali	23	Croatia	4
Spanyol	20	Morocco	4
Greece	10	Argentina	3
Tunisia	8	Brazil	3
Perancis	7	India	3
Israel	5	United Kingdom	3
Jordan	5	Belgium	2
Turki	5	Iran	2
Amerika Syarikat	5	Portugal	2
Algeria	4		

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Tin

Buah Tin atau nama saintifiknya *Ficus carica* disebut sekali sahaja dalam Al-Quran iaitu dalam surah al-Tin di mana Allah SWT bersumpah dengannya. Manakala pokoknya disebut di dalam kisah Nabi Adam (a.s.) di syurga berdasarkan tafsiran ulama' sebagaimana tersebut di dalam firman Allah:

Penelitian kami terhadap artikel Scopus menemui lebih 400 artikel tentang buah tin. Antara bidang-bidang utama dalam kajian tentang buah tin ialah:

Kekerapan Penerbitan di Scopus Mengenai Flora-Flora

Bidang kajian	Bilangan artikel	Bidang kajian	Bilangan artikel
Sains Pertanian dan Biologi	268	Fizik dan astronomi	5
Biokimia genetik dan Biologi Molekul	108	Bumi dan sains planet	4
Perubatan	73	Sains material	4
Kimia	72	Disiplin yang berbeza	3
Farmakologi dan Toksikologi	69	Sains sosial	3
Immunologi and Mikrobiologi	24	Sastera dan kemanusiaan	2
Sains Persekitaran	21	Sains kesihatan	2
Kejuruteraan Kimia	11	Sains haiwan	2
Kejuruteraan	8	Sains komputer	1
Kejururawatan	5	Sains	1

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Manakala negara-negara yang banyak mengkaji tentang buah tin adalah sebagaimana berikut:

Negara	Bilangan artikel	Negara	Bilangan artikel
India	51	Israel	15
Turki	44	Portugal	14
Tunisia	43	Mesir	9
Itali	26	Korea Selatan	9
Jepun	25	Arab Saudi	8
Sepanyol	25	Morocco	8
Iran	23	Slovenia	7
China	22	Pakistan	7
Amerika Syarikat	21	Algeria	6
Perancis	20	Serbia	5
Brazil	15		

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Delima

Buah Delima atau nama saintifiknya *Punica granatum* merupakan sejenis buah seribu kelebihan. Keistimewaan terserlah apabila ia disebut tiga kali dalam Al-Quran yang iaitu dalam surah al-An'am ayat 99 dan 141 dan surah al-Rahman ayat 68. Delima terdiri daripada empat bahagian yang boleh dimanfaatkan sebagai makanan dan ubat yang menyembuhkan iaitu; buah, kulit, akar dan air perahannya. (Fakhr al-Razi, 1994, hal.115). Kulit dan akar delima dapat di manfaatkan sebagai pelansing badan, ubat cacing dan ubat batuk. Air delima pula merupakan minuman yang lazat dan berfungsi sebagai minuman kesegaran dan dapat menguatkan sendi-sendi yang lemah. (Bambang Mursito, 2004, h.56)

Ibn al-Qayyim telah menyebutkan dalam *kitab al-Tibb al-Nabawi* tentang buah delima ini: "Buah delima sangat baik untuk pencernaan dan dapat menguatkannya. Ianya berguna untuk kerongkong, dada dan paru, sangat baik untuk mengubati batuk dan melancarkan buang air kecil, menghilangkan panas pada hati, rasa asamnya bermanfaat untuk radang pencernaan. Apabila isi dan buah ini dikeluarkan lalu dimasak sebentar saja dengan ditambah madu, akan dapat digunakan sebagai ubat gosok, celak untuk mata yang kuning, menghilangkan kelembapan yang berlebihan. Apabila disapukan pada gusi, ramuan di atas dapat membersihkannya. (Abdul Basit Muhammad as-Sayyid, 2009, h.133)

Penelitian kami terhadap artikel Scopus menemui lebih 800 artikel tentang buah delima. Antara bidang-bidang utama dalam kajian tentang buah delima ialah:

Bidang kajian	Bilangan artikel	Bidang kajian	Bilangan artikel
Sains Pertanian dan Biologi	420	Fizik	15
Biokimia genetik dan Biologi Molekul	196	Disiplin yang berbeza	12
Farmakologi dan toksikologi	194	Bumi dan sains planet	9
Perubatan	155	Sains kesihatan	8
Kimia	128	Sains haiwan	6
Immunologi and Mikrobiologi	49	Pergigian	5

Kejuruteraan	45	Sains sosial	5
Sains persekitaran	45	Sains komputer	2
Kejuruteraan Kimia	43	Matematik	2
Sains Material	17	Sains Neuro	2
Kejururawatan	16		

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Negara-negara yang banyak mengkaji tentang delima adalah sebagaimana berikut:

Negara	Bilangan artikel	Negara	Bilangan artikel
India	253	Korea Selatan	18
Iran	91	Jepun	17
Turki	70	Israel	17
Amerika Syarikat	50	Arab Saudi	16
Sepanyol	47	Pakistan	10
China	43	Afrika Selatan	9
Mesir	31	Portugal	9
Itali	29	Perancis	7
Brazil	28	United Kingdom	6
Tunisia	27	Cuba	6
German	24		

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Bidara

Buah bidara adalah 'al-nabq' manakala pokok bidara adalah 'al-sidr'. Nama saintifiknya *Ziziphus mauritiana* memiliki keistimewaan tersendiri di dalam agama Islam. Pohon ini disebutkan di beberapa surah dalam Al-Qur'an. Antaranya Firman Allah: "Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir Yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu Dengan dua kumpulan kebun Yang berisi Dengan pohon-pohon Yang pahit buahnya, dan pohon-pohon Yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara".

Penelitian kami terhadap artikel Scopus menemui lebih 150 artikel tentang bidara. Antara bidang-bidang utama dalam kajian tentang bidara ialah:

Bidang kajian	Bilangan artikel	Bidang kajian	Bilangan artikel
Sains Pertanian dan Biologi	86	Kejuruteraan	4
Biokimia genetik dan Biologi Molekul	25	Kejururawatan	4
Farmakologi dan toksikologi	22	Bumi dan sains planet	3
Perubatan	16	Disiplin yang berbeza	3
Sains persekitaran	12	Sains material	1
Kimia	9	Fizik dan astronomi	1
Kejuruteraan kimia	6	Sains haiwan	1
Immunologi and Mikrobiologi	6		

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Antara negara yang banyak mengkaji tentang buah bidara adalah sebagaimana berikut:

Negara	Bilangan artikel	Negara	Bilangan artikel
India	67	Amerika Syarikat	3
Zimbabwe	11	Austria	2
Pakistan	8	Bangladesh	2
Nigeria	7	China	2
Burkina Faso	5	Cote d'Ivoire	2
United Kingdom	4	Perancis	2
Netherlands	4	German	2
Australia	3	Israel	2
Malawi	3	Iraq	2
Mali	3	Arab Saudi	2
Thailand	3	Malaysia	2

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Habbah al-Sawda`

Habbah al-Sawda` atau nama saintifiknya *Nigella sativa* telah lama digunakan di sepanjang peradaban manusia. Ianya diakui sendiri oleh baginda Rasulullah SAW dalam sabdanya: “Sesungguhnya pada al-

Habbah al-Sawda` itu terdapat penawar daripada semua jenis penyakit kecuali mati.” (Hadith riwayat Bukhari)

Herba ini digunakan dalam bentuk herba dan juga minyak yang diperolehi dengan memampatkannya. Bentuknya berupa biji-bijian halus yang berwarna hitam. Justeru itu, orang Arab menamakannya dengan al-Habbah al-Sawda` yang bermaksud biji-bijian hitam. Ianya pernah digunakan untuk menangani pelbagai gangguan kesihatan seperti gangguan pernafasan, sakit perut dan usus, gangguan fungsi hati dan buah pinggang, sebagai penyokong sistem keimunan dan peredaran darah serta mengekalkan kesejahteraan badan secara keseluruhan. (Abu Bakar, 2008, h.284)

Berdasarkan penelitian terhadap artikel-artikel SCOPUS, kami menemui hampir 1000 tajuk yang membincangkan tentang *al-Habbah al-Sawda`*. Antara bidang yang dikaji ialah:

Bidang kajian	Bilangan artikel	Bidang kajian	Bilangan artikel
Perubatan	343	Multidisciplinary	12
Farmakologi dan toksikologi	328	Nursing	12
Sains Pertanian dan Biologi	286	Health Professions	7
Biochemistry Genetics and Molecular Biology	243	Sains material	7
Chemistry	127	Fizik dan astronomi	5
Immunologi and Mikrobiologi	55	Pergigian	3
Sains haiwan	49	Tenaga	3
Sains persekitaran	41	Sains komputer	2
Kejuruteraan kimia	29	Bumi dan sains planet	2
Neuro sains	16	Matematik	2
Kejuruteraan	13	Sains	1

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

Negara-negara yang banyak mengkaji tentang *habbah al-Sawda`* adalah sebagaimana berikut:

Negara	Bilangan artikel	Negara	Bilangan artikel
Iran	138	Algeria	21
Mesir	136	Morocco	19
India	128	Jepun	16
Turki	113	Bangladesh	15
Arab Saudi	105	Kanada	13
Pakistan	76	Perancis	13
Malaysia	59	Iraq	12
Amerika Syarikat	29	Itali	10
German	26	China	9
Jordan	23	Nigeria	9
Tunisia	22	Russia	8

Sumber: <http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015

4. Kesimpulan

Berdasarkan apa yang dibincangkan, jelas menunjukkan bahawa flora-flora yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Hadith mempunyai khasiat dan manfaat yang cukup besar kepada manusia sehingga ia menarik minat para pengkaji dari seluruh dunia sama ada muslim atau non muslim. Kajian-kajian yang dilakukan ini sama ada dilakukan oleh para pengkaji terdahulu yang diterbitkan dalam kitab-kitab klasik dan juga oleh para pengkaji sekarang yang sebahagian besarnya diterbitkan dalam jurnal-jurnal antarabangsa dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Artikel-artikel berkaitan dengan flora-flora yang disebut dalam al-Quran amat banyak sekali sehingga tidak mampu dihitung secara tepat dalam jurnal-jurnal scopus. Dalam carian yang dilakukan oleh penulis, artikel-artikel ini kebanyakannya ditulis oleh para saintis yang mengkaji tentang khasiat dan kegunaan flora-flora tersebut untuk kegunaan manusia. Bilangan artikel-artikel ini akan sentiasa bertambah dari semasa ke semasa pada masa akan datang.

5. Senarai Rujukan

Al-Qur'an dan Terjemahannya,

Muslim ibn al-Hajjaj (t.t), Sahih Muslim: bi-sharh al-Nawawi, al-Qahirah, al-Matba`at al-Misriyah.

Tirmidhi, Muhammad ibn `Isa (1976), *al-Jami` al-sahih : wa-huwa Sunan al-Tirmidhi*, al-Qahirah: Matba`at Mustafa al-Babi al-Halabi.

Hassan Shamsi Basha (2008), *al-Tibb al-Nabawi: Bayn al-‘Ilm wa al-I’jaz*, Damsyiq: Darul Qalam.

Al-Ghazali, Abu Hamid al-Tusi, *Ihya’ ‘Ulum al-Din*, Kaherah: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman ibn Ahmad, 1995, *Mu’jam al-Awsat*, Kaherah: Dar al-Haramain.

_____, t.t., *al-Mu’jam al-Kabir*, Kaherah: Dar Ibn Taymiyyah.

Dr. Tee E Siong, 2000, *Risalah Pemakanan Sihat dengan panduan Diet Malaysia*, Persatuan Pemakanan Malaysia.

Ramli Mat Nor, 2008, *Makan untuk hidup*, Semenyih: Iman Muafakat Group.

Hajah Noresah Baharom, et. al., 2005, *Kamus Dewan* edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Bakar Abdul Majeed (2008), *Etika Perubatan dan Farmasi Islam*, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM Shah Alam.

Ibn Hanbal, Abu Abdullah Ahmad ibn Muhammad, 1995, *al-Musnad*, Kaherah: Dar al-Hadith.

Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail, 1400H, *al-Jami’ al-Sahih*, Kaherah: Matba’ah al-Salafiyyah. (Kitab al-Tibb; bab: al-Habbat al-Swda`)

Al-`Alusi, Mahmud ibn Abd Allah al-Husayni, *Ruh al-Ma’ani fi Tafsir Al-Quran wa Sab’u al-Mathani*, Kaherah: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Abdul Basit Muhammad as-Sayyid, 2009, *Cara makan Rasulullah (SAW)* (terj.), Kuala Lumpur, Al-Hidayah Publication,

Adil Muhammad ‘Ali al-Syeikh Husaian, Mu’allafat fi al-Tibb al-Nabawi, *Majalah Alam al-Kutub*, 23 Mac 2005

Adil Muhammad ‘Ali al-Syeikh Husaian, Mu’allafat fi al-Tibb al-Nabawi, *Majalah Alam al-Kutub*, 23 Mac 2005

Fakhr al-Razi, 1994, *Tafsir Fakhr al-Razi*, Beirut: Dar al-Fikr.

JCIS | Vol. 2 | Issue 1 2016

Bambang Mursito, 2004, Ramuan tradisional untuk pelangsing tubuh,
Jakarta: Penebar Swadaya

<http://www.scopus.com/> carian pada 1 Julai 2015